

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan keluasan hutan simpan yang diwartakan, yang dikeluarkan dari warta dan juga kawasan tadahan air setiap tahun sejak 2010 dan apakah tindakan yang diambil untuk melindungi hutan simpan dan kawasan tadahan air daripada dilenyapkan oleh Kerajaan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Manakala, bidang kuasa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah dalam memberikan nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan hutan serta menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan.
2. Walau bagaimanapun, KeTSA sentiasa komited dalam usaha memelihara khazanah hutan negara dan memastikan sasaran dan komitmen negara seperti yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992 untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan tercapai.
3. Berdasarkan rekod JPSM, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak, seluas 205,672.74 hektar telah berjaya diwartakan masuk sebagai hutan simpanan kekal (HSK) manakala seluas 658,324.23 hektar telah diwartakan keluar daripada HSK daripada tahun 2010 hingga 2020.
4. Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1992 dan 1996 telah memutuskan supaya semua negeri di Semenanjung Malaysia mengenal pasti kawasan dalam HSK yang sesuai sebagai kawasan tadahan air dan mengelaskan kawasan tersebut sebagai hutan tadahan air (HTA) mengikut peruntukan perenggan 10(1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]. Kawasan ini dikategorikan sebagai hutan perlindungan di mana sebarang aktiviti pengusahaan hutan tidak dibenarkan. HSK yang telah dikenal pasti sesuai untuk dikelaskan di bawah fungsi kelas HTA adalah seluas 1,046,110.85 hektar. Sehingga 31 Disember 2020, seluas 906,629.13 hektar kawasan di dalam HSK telah diwartakan sebagai HTA.
5. Antara langkah-langkah yang diambil bagi memelihara dan mengekalkan hutan-hutan simpan oleh KeTSA melalui JPSM dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri adalah seperti berikut:

NO. SOALAN : 184

- (i) mempergiatkan usaha ke arahewartakan kawasan-kawasan berhutan baru sebagai hutan simpanan kekal (HSK) dengan sasaran untuk meningkatkan jumlah kawasan HSK di Semenanjung Malaysia kepada 5 juta hektar;
- (ii) mempertingkatkan usaha pemeliharaan dan pemulihan kawasan berhutan melalui Projek *Central Forest Spine* (CFS);
- (iii) menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta pada tahun 2019 dan RM70 juta pada tahun 2021 kepada negeri-negeri yang mengambil usaha melindungi kawasan hutan tadahan air dan kawasan perlindungan sedia ada dan menambah kawasan perlindungan yang baharu. Insentif ini diagihkan melalui instrumen *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT);
- (iv) menjana pendapatan melalui potensi baharu selain daripada kayu balak termasuk inisiatif REDD Plus dan bayaran bagi perkhidmatan ekosistem (*Payment for Ecosystem Services – PES*) bagi mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti pembalakan; dan
- (v) kerjasama dan libat urus dengan Kerajaan Negeri melalui platform Majlis Tanah Negara untuk menyelaras amalan pengurusan dan penggunaan sumber hutan secara terancang, rasional dan berkesan selaras dengan keperluan untuk memelihara hutan sebagai sumber semula jadi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KESIHATAN** kedudukan kompaun yang dikeluarkan kepada individu dan syarikat kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan dan SOP COVID-19 selepas berakhirnya Ordinan Darurat.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

1. Menerusi Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (pindaan 2021), pindaan ke atas Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) telah dipinda bagi bagi tujuan pengkompaunan kesalahan. Kadar kompaun asal "adalah tidak melebihi satu ribu ringgit" telah dipinda kepada "adalah tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi individu dan tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi pertubuhan perbadanan".
2. Apa-apa Ordinan Darurat yang telah dimasyhurkan akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya sehingga sesuatu ordinan terhenti berkuat kuasa menerusi pengungkaian di kedua-dua Majlis Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
3. Dalam hal ini, penguatkuasaan penawaran kompaun yang dikeluarkan dalam tempoh Ordinan Darurat (Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 ini masih lagi berkuatkuasa sehinggalah ianya diungkai di Parlimen. Nilai kompaun tersebut adalah kekal sebagaimana nilai yang ditawarkan dalam tempoh Ordinan Darurat.
4. Namun begitu, bagi kompaun yang ditawarkan selepas Ordinan Darurat diungkai akan kembali kepada nilai asal sebagaimana di bawah seksyen 25 Akta 342 iaitu satu ribu ringgit (RM1,000) bagi individu dan syarikat. Pindaan kepada Akta 342 perlu dibuat dan perlu mendapat kelulusan kedua-dua Majlis Parlimen bagi membolehkan apa-apa perubahan ke atas nilai kompaun baharu dikuatkuasakan selepas Ordinan Darurat diungkaikan.

Sekian, terima kasih.